

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NATRAH BT. ISMAIL (SEKIJANG)**

**TARIKH : 20 JULAI 2020 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [ SEKIJANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes kematian bagi kanak-kanak bawah 18 tahun dalam tahanan imigresen sejak tahun 2015 sehingga Januari 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kes kematian bagi tahanan kanak-kanak yang berusia bawah 18 tahun di Depot Tahanan Imigresen sejak tahun 2015 sehingga 31 Januari 2020 adalah seramai dua orang. Satu kes kematian kanak-kanak lelaki dilaporkan pada tahun 2018 di mana punca kematian tersebut adalah disebabkan oleh jangkitan kuman pada paru-paru semasa lahir (*Septic Shock Secondary Pneumonia with Persistent Pulmonary Hypertension in Newborn*).

Manakala satu lagi kematian yang melibatkan seorang kanak-kanak lelaki adalah berpunca daripada jangkitan kuman pada usus semasa lahir (*Extensive Necrotising Enterocolitis*) yang dilaporkan pada tahun 2020.